

Graduan terus terokai peluang yang ada

UB 25.11.2013 B1

Oleh **S.CONNIE PEARL SUIL**
utusanborneokk@gmail.com

RAMAI graduan dikatakan terus menganggur kerana persaingan pekerjaan semakin sengit apatah lagi tidak mempunyai nilai tambah yang diperlukan walaupun memiliki segulung ijazah atau diploma.

Peluang pekerjaan sama ada sektor awam mahupun swasta yang amat terhad dan ditambah lagi sikap graduan yang memilih kerja terus menyumbang ke arah pengangguran.

Sehubungan itu, seorang graduan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Mazuani Jumadi, 24, berpendapat graduan seharusnya tidak bersikap memilih kerja dalam soal memperolehi pekerjaan.

“Bidang pekerjaan yang ada sekarang berada pada skop yang kecil, jadi bagi saya, kita harus berusaha dan mengambil peluang kerja yang ada.

“Justeru, saya tidak kisah apa jua peluang yang diperolehi kerana adalah lebih baik mengambil peluang yang ada untuk terus maju ke

hadapan daripada terus menganggur,” katanya ketika ditemui pada Majlis Konvokesyen UMS ke-15 Sidang Ketiga, kelmarin.

Ditanya mengenai sikap graduan khususnya bumiputera yang kebanyakannya mengharapkan makan gaji, katanya graduan perlu mengikis sikap sedemikian dan perlu berusaha mencari peluang lain contohnya dalam bidang keushawanan.

“Kita tidak mahu terus berada di bawah dengan hanya semata-mata mengharapkan makan gaji tetapi cuba berusaha



MAZUANI



FAIZOL

menerokai peluang yang ada untuk terus maju ke hadapan,” katanya.

Mazuani merupakan seorang anak kepada penoreka di Felda Sahabat 27, Lahad Datu dan baru sahaja bergraduat itu menyifatkan konvokesyennya adalah hadiah buat ibu bapa serta keluarga yang telah banyak memberi sokongan.

“Saya ingin membuktikan bahawa anak Felda juga mampu berjaya, dan kejayaan yang diperolehi diharap dapat memberi aspirasi kepada anak-anak Felda yang lain untuk terus berjaya,” katanya.

Sementara itu, seorang lagi anak Felda yang berasal dari Terengganu,

Mohd Faizol Husain, 23, berharap dapat membantu keluarga setelah berjaya memperolehi segulung Ijazah Sarjana Muda Psikologi dengan kepujian.

Katanya dia tidak kisah menceburi apa juga kerja yang bakal diperolehi tetapi yang penting dapat membantu dan berbakti kepada masyarakat.

“Sama ada awam atau swasta, saya tidak akan memilih kerja tetapi mencuba apa jua peluang yang ada.

“Di UMS, kita juga ada didedahkan dengan pelbagai program keushawanan dan ini dapat membantu kita sekiranya mahu menceburi dalam bidang keusahawanan,” katanya.



PERARAKAN keluar Dewan oleh Graduan UMS.

Bagaimapun katanya, dia tetap yakin akan mendapat peluang pekerjaan menerusi kursus yang telah dipelajari di UMS dan menggunakan ilmu yang ada untuk menceburi bidang terbabit.

Sempena konvokesyen itu, Faizol turut menyifatkan kejayaannya memperolehi segulung ijazah adalah hadiah terbaik buat keluarga kerana dia satu-satunya anak yang ke-15 bergraduat pada konvokesyen UMS ke-15.

Dalam pada itu, Istiadat Konvokesyen UMS ke-

15 menyaksikan seramai 4,553 pelajar UMS berjaya bergraduat.

Pada Sidang Ketiga yang berlangsung kelmarin, seramai 712 pelajar telah menerima ijazah sarjana muda dalam Psikologi, Kejuruteraan dan Sains Komputer menerima skrol masing-masing.

Majlis penganugerahan itu disempurnakan oleh Pro-Canselor UMS, Tan Sri (Dr) Yeoh Tiong Lay.

Turut hadir, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan tetamu kehormat yang lain.



MAZUANI dan keluarganya.